

**PENGAKSESAN MAKLUMAT PERUNDANGAN DI MALAYSIA DAN
PERANAN PUSTAKAWAN**

Shaikh Mohamed Noordin

Messrs Tay & Partners

Kuala Lumpur

nordin@taypartners.com.my

ABSTRACT

Various sources of legal information are available and this variety of sources have tremendously helped legal practitioners and law librarians in their quest for legal information. This article looks at the different types of legal resources that are available and its usage. It proposes the setting up of a Pusat Kebangsaan Bagi Maklumat Perundangan Negara and Institut Maklumat Perundangan Malaysia.

Keywords: Legal information; Legal information sources; Law libraries; Law librarians; Malaysia

PENGENALAN

Mengklasifikasikan undang-undang sebagai bahan maklumat awam seperti dilakukan di banyak negara dilihat sebagai satu tindakan demokratik, dan dasar pengaksesan terbuka kepada maklumat perundangan dilihat sebagai satu tanda penghormatan kepada prinsip demokrasi pemerintahan negara. Tujuan utama sesuatu undang-undang itu dibuat adalah untuk memberi keadilan, perlindungan dan menjaga kepentingan dan kesejahteraan awam. Bagi mencapai tujuan ini, undang-undang itu seharusnya perlu terlebih-dahulu dimaklumkan supaya ia dapat diketahui untuk di patuhi oleh semua masyarakat awam.

Bagaimanapun tidak semua orang awam menyedari atau mengetahui tentang kewujudan undang-undang yang dibuat untuk mereka, namun seseorang itu tidak boleh terlepas daripada sesuatu tindakan undang-undang semata-mata kerana tidak menyedari kewujudan undang-undang tersebut. Sebagaimana memetik ungkapan kata-kata pengamal undang-undang ternama Inggeris, John Selden (1584 – 1654); “Kejahilan mengenai undang-undang itu tidak boleh dijadikan alasan seseorang, kerana bukan semua orang mengetahui sesuatu undang-undang itu, namun itu lah alasan yang selalu dipertahankan, dan tidak pula siapa yang tahu bagaimana hendak menyangkalnya”¹.

Shaikh M.N.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang prihatin dan percaya terhadap prinsip keterbukaan maklumat memastikan bahawa setiap undang-undang yang dibuat itu dibawa ke pengetahuan awam, bukan sahaja secara sukarela, malah perlu melakukannya sebagai satu tugas dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Oleh itu, penyiaran dan penyebaran maklumat perundangan ini haruslah dilaksanakan supaya tidak menafikan hak rakyat untuk mengetahui atau mendapatkan maklumat tersebut, terutama mengenai kedudukan sesuatu undang-undang yang harus diikuti sebelum tindakan boleh dilakukan.

Kerajaan, sebagai pembuat utama undang-undang di negara ini, diwajibkan mewartakan setiap undang-undang yang digubal di Parlimen sepertimana yang ditetapkan dibawah Perkara 66(5) Perlembagaan Persekutuan² dan Seksyen 18(2) Akta Tafsiran (Akta 388), 1948 dan 1967³. Begitu juga dengan keputusan-keputusan mahkamah, terutamanya keputusan mahkamah-mahkamah tertinggi, perlu dilaporkan awal supaya boleh dijadikan bahan rujukan dan bukti sesuatu penghakiman dan untuk dijadikan ikutan kepada kes-kes yang terkemudian⁴.

JENIS-JENIS MAKLUMAT PERUNDANGAN

Terdapat dua jenis maklumat perundangan, iaitu Sumber Utama dan Sumber Sekunder. Maklumat yang dikategorikan sebagai Sumber Utama adalah maklumat perundangan yang mengandungi pernyataan undang-undang seperti undang-undang statut yang merangkumi terti antarabangsa, perlembagaan negara atau negeri, rang undang-undang dan akta atau enakmen serta undang-undang kecil yang berada di bawahnya dan juga undang-undang kes atau keputusan mahkamah. Bahan maklumat yang membicarakan Sumber Utama ini pula dikategorikan sebagai maklumat undang-undang Sumber Sekunder. Contoh sumber sekunder adalah seperti buku teks perundangan, makalah perundangan, polisi kerajaan, garis panduan, dan bahan rujukan mengenai perundangan. Kedua-dua jenis sumber maklumat perundangan ini mempunyai kepentingan dari segi sosial, penyelidikan, pendidikan, ekonomi dan pembangunan negara dan seharusnya dijadikan warisan intelek dan bahan rujukan kepada seluruh masyarakat awam di negara ini. Apa yang dikatakan undang-undang itu adalah lazimnya maklumat daripada Sumber Utama dan ianya mempunyai nilai perundangan yang harus dirujuk.

Secara tradisi, kebanyakan maklumat perundangan Sumber Utama ini didokumenkan secara rasmi dalam bentuk bahan cetak melalui Warta Kerajaan

Pengaksesan Maklumat Perundangan di Malaysia dan Peranan Pustakawan

yang mengandungi undang-undang statut dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Warta Kerajaan biasanya dijual dengan harga yang berpatutan supaya memudahkan maklumat ini diakses. Begitu juga dengan laporan undang-undang yang mengandungi keputusan-keputusan penghakiman mahkamah yang biasanya dibukukan oleh penerbit-penerbit swasta bagi kemudahan pengamal undang-undang untuk membuat rujukan.

Dengan kemajuan teknologi maklumat terkini, maklumat seperti ini sekarang boleh disalurkan dengan lebih mudah dan dicetak dalam berbagai-bagai format elektronik seperti CD-ROM. Sebahagiannya pula boleh didapati dengan secara percuma melalui *Internet*. Tetapi adakah dengan penggunaan teknologi maklumat sahaja, semua masalah pengaksesan maklumat perundangan itu boleh diatasi? Sebenarnya kemampuan teknologi maklumat ini hanya untuk membantu meningkatkan kemudahan pengaksesan maklumat undang-undang ini ke tahap yang lebih efisien, namun apa yang lebih penting adalah cara sumber maklumat ini diurus dan diatur supaya mudah diakses.

Maklumat yang tidak teratur dan terurus adalah sama keadaannya seperti tidak mempunyai maklumat⁵. Maklumat, yang kini boleh diperolehi dalam berbagai-bagai jenis format, jika tidak diurus dengan baik, akan menambahkan lagi kesukaran mendapatkan maklumat yang terkandung di dalamnya. Bagi mengatasi masalah ini, satu dasar pengurusan maklumat yang jelas perlu digariskan dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan maklumat perundangan tersebut kepada masyarakat awam Malaysia.

PENGGUNAAN MAKLUMAT PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Memandangkan setiap aktiviti kehidupan harian kita mempunyai hubung kait dengan undang-undang, maka kesedaran terhadap undang-undang dan kemudahan untuk mendapatkan maklumat mengenainya perlu dipertingkatkan supaya dapat diwujudkan sebuah masyarakat yang celik undang-undang. Sebenarnya sumber maklumat perundangan negara ini agak terhad walaupun permintaannya merangkumi berbagai-pihak pihak, bukan sahaja dari pengamal dan pelajar undang-undang tetapi termasuk juga ahli-ahli akademik, profesional, penyelidik dan hampir semua lapisan masyarakat.

Hampir semua bahan maklumat perundangan bercetak di Malaysia boleh didapati daripada berbagai-bagai sumber, tetapi pengaksesannya agak terhad terutama kepada pihak awam. Kebanyakan bahan-bahan maklumat perundangan ini boleh didapati di perpustakaan-perpustakaan undang-undang, namun

Shaikh M.N.

pengaksesannya terbatas kepada pengguna-pengguna dalaman sahaja. Pengguna-pengguna awam pula tidak mempunyai banyak pilihan kecuali merujuk di perpustakaan-perpustakaan awam yang koleksi perundangannya pula agak terhad.

Artikel ini cuba membicarakan kewajaran negara ini memiliki satu sistem pengurusan dan rangkaian maklumat perundangan yang cekap dan terurus dengan mengengahkan cadangan penubuhan sebuah Pusat Kebangsaan bagi Maklumat Perundangan Negara dan sebuah Institut Maklumat Perundangan Malaysia sebagai memenuhi tanggung-jawab pemerintah dalam menyediakan perkhidmatan maklumat perundangan melalui pengaksesan fizikal dan siber kepada masyarakat awam di negara ini.

CADANGAN PENUBUHAN PUSAT KEBANGSAAN BAGI MAKLUMAT PERUNDANGAN NEGARA

Satu-satunya perpustakaan awam yang mempunyai koleksi perundangan yang terbaik di negara ini adalah Perpustakaan Negara Malaysia⁶. Walau bagaimanapun, susun-atur maklumat perundangan di perpustakaan ini agak bertaburan ketika ini, dimana bahan-bahan perundangan Perpustakaan ini diatur mengikut jenis penerbitan dan disimpan di beberapa lokasi berasingan bersama-sama koleksi umum. Misalnya, jika bahan yang dicari itu dari terbitan bersiri, biasanya ia disimpan di bahagian koleksi bersiri di Perpustakaan tersebut. Begitu juga keadaannya jika bahan tersebut merupakan buku-buku teks, ianya mungkin disimpan samada di bahagian Malaysiana, rujukan atau pinjaman mengikut, jenis keperluan dan penerbitan bahan-bahan tersebut. Oleh yang demikian, jika seseorang pengguna ingin mencari sesuatu maklumat perundangan, beliau mungkin terpaksa mencari maklumat tersebut di beberapa bahagian yang berasingan di Perpustakaan ini.

Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat Perpustakaan⁷ yang digariskan oleh Perpustakaan Negara seharusnya memberi lebih penekanan kepada kepentingan dan keperluan maklumat perundangan kepada masyarakat awam Malaysia supaya penyediaan perkhidmatan maklumat perundangan di negara ini dapat dihasilkan dengan lebih berkesan dan terancang.

Penubuhan sebuah Pusat Kebangsaan bagi Maklumat Perundangan Negara sepertimana Pusat Kebangsaan bagi Manuskrip Melayu di Perpustakaan ini perlu diberi pertimbangan sewajarnya di atas beberapa faktor berikut:

Pengaksesan Maklumat Perundangan di Malaysia dan Peranan Pustakawan

- Memandangkan pengaksesan awam terhadap maklumat perundangan di negara ini agak terhad, walaupun terdapat banyak perpustakaan undang-undang di negara ini, kebanyakannya tidak dibuka kepada pengguna-pengguna awam dan ada pula yang mengenakan bayaran yang agak tinggi jikapun ia dibuka kepada awam. Pusat yang dicadangkan ini boleh dijadikan sebagai sebuah Perpustakaan Undang-Undang Awam berperanan sepertimana Law Library of Congress di Amerika yang ditubuhkan khusus sebagai alternatif untuk memberi perkhidmatan maklumat perundangan kepada masyarakat awam secara percuma.
- Sebagai Pusat Penyerahan Negara bagi Bahan-Bahan Perpustakaan sepertimana yang disebut di bawah Akta Penyerahan Bahan-Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)⁸, Perpustakaan Negara menerima banyak bahan perundangan terbitan dalam Negara. Bahan penyerahan ini, beserta dengan kekuatan koleksi perundangan yang sedia ada, akan dapat memberi kelebihan kepada Perpustakaan ini untuk mewujudkan satu pusat kecermelangan undang-undang (centre of excellence for law) yang dapat menempatkan semua koleksi perundangan di satu lokasi yang khas.
- Meskipun matlamat utama Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat Perpustakaan adalah untuk menyediakan dan memenuhi keperluan maklumat secara umum kepada semua lapisan masyarakat, namun penubuhan Pusat yang dicadangkan ini tidak bercanggah dari matlamat tersebut, memandangkan setiap aktiviti dan aspek kehidupan harian masyarakat secara amnya juga mempunyai banyak hubung kait dan melibatkan undang-undang. Oleh itu, maklumat perundangan ini harus dianggap sebagai salah satu maklumat awam yang strategik kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara dan perlu diberi keutamaan dalam dasar Perkhidmatan Maklumat Negara.
- Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk membina masyarakat yang membaca dan berilmu, Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat hendaklah juga merangkumi matlamat untuk menjadikan rakyat negara ini celik undang-undang dengan menjadikan undang-undang itu sebagai maklumat teras yang dapat membantu dan membina tamadun dan peradaban rakyat negara ini.
- Penyediaan dan penyaluran sumber maklumat perundangan ini juga harus dilihat sebagai satu usaha menggalakkan rakyat negara ini untuk

Shaikh M.N.

terus mendukung cita-cita dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara yang ketiga dan keempat iaitu 'Keluhuran Perlembagaan' dan Kedaulatan Undang-Undang'.

CADANGAN PENUBUHAN INSTITUT MAKLUMAT PERUNDANGAN MALAYSIA

Maklumat perundangan Malaysia boleh juga diakses daripada sumber Internet, walaupun maklumat ini tidak disetempatan tetapi bertaburan di beberapa laman web kementerian dan jabatan kerajaan. Di antara laman-laman web yang mengandungi maklumat Sumber Utama undang-undang Malaysia adalah laman web Parlimen (<http://www.parlimen.gov.my/acts.php>) yang menempatkan teks penuh Akta-Akta yang digubal sejak tahun 1990. Laman web Mahkamah Persekutuan Malaysia pula mengandungi kes-kes yang terpilih sejak tahun 2001 (<http://www.kehakiman.gov.my/jugdment/latest.html>).

Malaysia tidak mempunyai satu dasar bagi menggalakkan penubuhan satu institusi yang bertanggungjawab ke atas pengendalian satu pangkalan data undang-undang khusus untuk menyalurkan maklumat perundangan kepada pihak awam secara percuma. Kita agak ketinggalan dalam penyediaan maklumat-maklumat perundangan tersebut berbanding dengan beberapa negara lain yang telah pun menubuhkan institusi khusus untuk menyalurkan maklumat perundangan kepada masyarakat mereka.

WorldLII: Conference on Law via Internet, Montreal, October 2002, telah menghasilkan *Declaration on Free Access to Law* (<http://www.worldlii.org/worldlii/declaration/>) dengan pernyataan-pernyataan berikut:

- Maklumat perundangan awam dari semua negara dan institusi antarabangsa adalah warisan intelek manusia sejagat. Dengan memperluaskan pengaksesan maklumat-maklumat tersebut, adalah diharapkan ianya dapat menegakkan keadilan dan mendaulatkan keluhuran undang-undang.
- Maklumat elektronik perundangan awam adalah harta digitan awam dan seharusnya terbuka kepada pengaksesan awam atas dasar tidak mencari keuntungan dan ia seharusnya diberikan secara percuma.
- Pertubuhan-pertubuhan bebas, yang tidak mencari keuntungan, berhak menyalurkan maklumat perundangan kepada awam, dan mana-mana

Pengaksesan Maklumat Perundangan di Malaysia dan Peranan Pustakawan

badan kerajaan yang menggubal serta menyelia maklumat perundangan seharusnya menyediakan pengaksesan kepada maklumat tersebut supaya ianya dapat disebarkan.

Sewajarnya kita merebut peluang dan faedah dari segala kemudahan teknologi maklumat yang serba canggih dengan mewujudkan satu perpustakaan undang-undang siber yang dapat memenuhi keperluan semasa masyarakat awam negara ini. Penubuhan satu Institut Maklumat Perundangan Negara untuk tujuan yang dimaksudkan ini perlu direalisasikan secepat mungkin seperti langkah yang telah diambil oleh beberapa buah negara seperti Australia (Australasian Legal Information Institute (AusLII)), United Kingdom (British and Irish Legal Information Institute (BILII)), Kanada (Canada Legal Information Institute (CanLII)), Amerika Syarikat (Legal Information Institute) dan Hong Kong (Hong Kong Legal Information Institute (HKLII)).

Penubuhan badan-badan yang dimaksudkan ini mungkin menuntut komitmen dari banyak pihak, terutamanya daripada ahli-ahli akademik, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, mahupun orang-orang perseorangan yang prihatin dan bersedia membantu serta berkongsi kepakaran. Paling tidak, negara memerlukan satu portal atau *blog* undang-undang yang menggabungkan hyper-rangkaian ke semua maklumat undang-undang yang terdapat di *Internet* ke dalam satu laman web yang dikhaskan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disebutkan ini, sekurang-kurangnya masyarakat awam akan mempunyai lebih banyak pilihan untuk mengakses maklumat perundangan di negara ini.

PERANAN DAN TUGAS PUSTAKAWAN

Para pustakawan, terutamanya dalam perkhidmatan awam di bawah kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, mempunyai peranan yang sangat penting dalam proses penyediaan, pengurusan dan penyelenggaraan sumber-sumber maklumat perundangan kepada pihak awam. Mereka perlu menggariskan cadangan-cadangan untuk pembentukan satu dasar perkhidmatan maklumat perundangan kebangsaan yang seragam dan bersedia mengambil sikap pro-aktif dan menerima tugas-tugas berikut bagi memenuhi tanggungjawab profesion mereka:

- Menjadi perintis dan peneraju kepada penubuhan badan-badan khas yang dapat menyelenggara dan menyalurkan maklumat perundangan negara secara percuma samada secara fizikal atau siber.

Shaikh M.N.

- Mengenalpasti kandungan maklumat perundangan yang perlu dimuatkan ke dalam pangkalan-pangkalan data termasuk akta Persekutuan, enakmen negeri, peraturan-peraturan Persekutuan dan negeri, panduan perundangan, keputusan mahkamah dan tribunal, pendapat (opinions) Jabatan Peguam Negara, serta laporan rasmi Parlimen (Hansard).
- Memastikan semua maklumat perundangan di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dimasukkan ke dalam laman web masing-masing termasuk teks penuh akta dan peraturan yang berada di bawah kawalan dan pentadbiran kementerian dan jabatan masing-masing.
- Sentiasa mengemaskini maklumat perundangan termasuk memasukkan pindaan-pindaan terbaru akta dan peraturan di dalam laman web masing-masing.
- Memasukkan semua enakmen kerajaan negeri ke dalam laman web rasmi kerajaan negeri masing-masing.
- Memasukkan semua maklumat perundangan dan undang-undang kerajaan tempatan ke laman web majlis perbandaran masing-masing.
- Memasukkan keputusan kehakiman semua peringkat Mahkamah tertinggi ke dalam laman-laman web Mahkamah.
- Memperkenalkan semua rang undang-undang semasa di dalam laman web Parlimen atau kementerian yang mencadangkan rang undang-undang berkenaan sebelum sesuatu perbahasan mengenainya bermula.
- Memperlengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai undang-undang dan perkara yang berkaitan supaya lebih bersedia dan mampu memberi khidmat-nasihat khusus kepada pengguna-pengguna yang memerlukan bantuan dalam pencarian maklumat perundangan.
- Dapat membantu dalam kempen menggalak kesedaran rakyat terhadap keperluan memahami dan memiliki pengetahuan mengenai perundangan.

Perkhidmatan maklumat perundangan kepada masyarakat awam Malaysia akan hanya menjadi kenyataan dengan adanya komitmen daripada banyak pihak

Pengaksesan Maklumat Perundangan di Malaysia dan Peranan Pustakawan

untuk bersama-sama berusaha dalam mencapai matlamat menjadikan masyarakat negara ini berilmu dan mempunyai kesedaran tinggi terhadap undang-undang. Dalam usaha ke arah ini, sudah semestinya sumbangan pustakawan khususnya adalah amat dialu-alukan dan inilah peluang yang terbaik untuk mengutarakan imej pustakawan sebagai Penyambung maklumat kepada rakyat.

RUJUKAN

Bruce T. 2000. Public legal information: focus and future. *The Journal of Information, Law and Technology*, Vol. 1. <http://elj.warwick.ac.uk/jilt/00-1/bruce.html>

Cahir J. 2003. Understanding information laws: a sociological approach. *The Journal of Information, Law and Technology*, Vol. 3. <http://elj.warwick.ac.uk/jilt/02-3/cahir.html>

Faruqi, Shad Saleem. 1992. Access to information. *Malaysian Current Law Journal*, Vol. 4 : xxiii.

Greenleaf, G. 2000. Free the law: how the Australasian Legal Information Institute (AustLII) achieved the free availability of legal information on the Internet. *The Journal of Information, Law and Technology*, Vol. 1. <http://www.law.warwick.ac.uk/jilt/00-1/transcript.html>

Greenleaf G, P. Chung, and Mowbray, A. 2002. Free access to law via Internet as a condition of the rule of law in Asian societies: HKLII and WorldLII. PembentanganPaper presented at the *4th Conference on Asian Jurisprudence*, University of Hong Kong, 17-19 January 2002. http://www2.austlii.edu.au/~graham/publications/2002/HKLII_WorldLII_Jan02/HKLII_WorldLII.html

Greenleaf G. et al. 2000. *Solving the problems of finding law on the Web: world law and DIAL*. *The Journal of Information, Law and Technology*, Vol. 1. <http://elj.warwick.ac.uk/jilt/00-1/greenleaf.html>

Greenleaf G, et al. 1998. A restatement of AustLII: moving access to law into the 21st century. Paper presented at the *Section on Law Libraries - 21st Century Scholarship: Legal Knowledge Systems on the Internet*, Association of

Shaikh M.N.

American Law Schools Annual Meeting, San Francisco, USA, January 6-10. 1998
<http://www2.austlii.edu.au/~graham/AALS/Restatement.html>

Paliwala A. 2000. Access to legal information: a welcome return? *The Journal of Information, Law and Technology*, Vol. 1. <http://elj.warwick.ac.uk/jilt/00-1/paliwala.html>

Poulin, D. 2004. CanLII: How law societies and academia can make free access to the law a reality. *The Journal of Information, Law and Technology*, Vol. 1. <http://elj.warwick.ac.uk/jilt/04-/poulin.html>

¹ “*Ignorance of the law excuses no man, not that all men know the law, but because it is an excuse every man will plead, and no man can tell how to refute him.*”
<http://www.luminarium.org/encyclopedia/selden.htm>.

² Pekara 66(5), Perlembagaan Persekutuan: “Sesuat Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (4A), tetapi tiada undang-undang boleh berkuat kuasa sehingga undang-undang itu telah disiarkan, tanpa, walau bagaimanapun, menjejaskan kuasa Parlimen untuk menangguhkan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang yang berkuat kuasa ke belakang.”

³ Seksyen 18(2), Akta Tafsiran (Akta 388), 1948 and 1967; “Siaran dalam warta rasmi Persekutuan hendaklah merupakan sebagai makluman yang mencukupi mengenai apa-apa perkara yang dikehendaki untuk disiarkan dalam warta oleh atau dibawah mana-mana undang-undang Persekutuan atau yang dikehendaki untuk disiarkan dalam warta kerajaan Sabah atau warta kerajaan Sarawak oleh atau dibawah mana-mana enekmen negeri-negeri itu yang telah diistiharkan sebagai menjadi undang-undang Persekutuan.”

⁴ Dalam penghakiman kes *Sures A/L Perumal v Pendakwa Raya*, [2001] 2 MLJ 106, Hakim VT Singaham memutuskan: “*It has been said time and time again that ‘justice hurried is justice denied’ and magistrates must take time to consider the charge and the facts and read the law reports to keep abreast with the decision of the superior courts so that their decision will be in accordance with the law and settled principles of law.*”

⁵ Shad Saleem Faruqi, *Access to Information*, [1992] 4 CLJ xxiii.

Pengaksesan Maklumat Perundangan di Malaysia dan Peranan Pustakawan

⁶ Walaupun pada dasarnya Perpustakaan Negara Malaysia berfungsi sebagai perpustakaan rujukan awam, tetapi oleh kerana untuk menampung keperluan dan permintaan awam, Perpustakaan ini juga memainkan peranan sebagai perpustakaan awam dengan menyediakan kemudahan pemiinjaman sebahagian perkhidmatannya.

⁷ Sila lawati laman web Perpustakaan Negara Malaysia di www.pnm.gov.my untuk keterangan lanjut mengenai Dasar yang disebutkan ini dimuka Maklumat Korporat.

⁸ Sekyen 4(1), Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan Act 1986, Akta 331: "Tertakluk kepada Seksyen 7, penerbit bagi tiap-tiap bahan perpustakaan bercetak yang diterbitkan di Malaysia hendaklah, dalam masa satu bulan dari penerbitan, menyerahkan kepada Ketua Pengarah, atas perbelanjaannya sendiri beberapa naskah bahan perpustakaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 1, naskah terbaik bahan perpustakaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2 dan Ketua Pengarah akan memberi pengakuan secara bertulis bagi tiap-tiap bahan perpustakaan yang diterbitkan secara bersiri, tetap atau tidak tetap, ianya hendaklah diserahkan dalam masa satu minggu dari penerbitan"

